

29 JUL 2004  
LID-Mswati  
ABDULLAH BERSETUJU JADI FELLOW CPTM

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersetuju untuk menjadi fellow Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), Raja Mswati III mengumumkan malam ini.

Ketua negara Swaziland itu berkata keputusan tersebut dicapai pada sesi tertutup pertama Global 2004 Dialog Antarabangsa Langkawi, petang ini.

"Kami mengalu-alukan anda, Perdana Menteri, dan menanti dengan penuh harapan untuk mendapat manfaat daripada kebijaksanaan dan pengalaman anda," kata Raja Mswati yang merupakan penaung dan penasihat Global 2003 - Dialog Antarabangsa Afrika Selatan, pada majlis makan malam Global 2004 di sini.

Peranan fellow CPTM itu, antara lain, mmemberi petunjuk strategik kepada badan itu dan falsafah perkongsian pintarnya.

Antara fellow CPTM pada masa ini adalah bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas presiden Botswana Sir Ketumile Masire dan Naib Pengerusi BaE Systems Sir Charles Masefield.

CPTM merupakan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan ditubuhkan pada 1995 di mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di New Zealand dengan matlamat mempromosi pemindahan teknologi antara negara anggota.

CPTM ialah penganjur bersama Global 2004 dengan Kumpulan Teknologi Tinggi Industri-Kerajaan (MIGHT). Global 2004 turut merangkumi Dialog Antarabangsa Afrika Selatan dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID).

King Mswati berkata beliau dan Abdullah telah memulakan perbincangan untuk menjalin kerjasama antara dua negara bertujuan melaksanakan projek-projek yang berfaedah kepada kedua-dua negara.

Katanya, beliau akan mengetuai satu rombongan sektor swasta Swaziland mengadakan lawatan ke industri-industri di Malaysia selepas LID 2004 berakhir Sabtu ini, bagi mengenal pasti industri yang boleh dikembangkan ke negara itu yang terletak antara Afrika Selatan dan Mozambique.

--BERNAMA  
JM SHY ZS ZK